



## **LANGSIRBERLIPATV**

1. Ilham mencari ukuran tepat untuk pembelian kain.
2. Ilham mengukur, menggunting dan menjahit kain.
3. Memasang dan mengantung Langsir.

# LANGSIR PATEN BERLIPAT V

## Pengenalan

Di antara yang biasa peminat langsir bertanya dan berminat untuk menjahitnya ialah jenis lipat V. Ia nampak simple, eksklusif dan mudah untuk dijahit. Jika anda tahu menjahit dan membuat kiraan ukuran untuk membuat penutup/pelindung langsir anda pasti tahu untuk membuat paten ini. Semuanya sama dengan cara membuat langsir penutup/pelindung Cuma adasedikittambahan di bahagian pita langsir. Langsir ini juga boleh digunakan sebagai penyeris sahaja atau boleh juga di buat bersekali sebagai penutup/pelindung langsir. Trek biasa dan batang/berkayu boleh digunakan untuk memasangnya.

Dibawah ini kami sertakan gambar contoh paten berlipat V.



Gambar 1 – Contoh Paten Langsir Berlipat V

- 2 -

## **PEMBELIANKAIN**

**Anda boleh merujuk kepada bahagian pembelian kain untuk langsir penutup/pelindung.**

## **UKURAN**

**Ukuran untuk membuat paten berlipat V adalah sama seperti membuat langsir penutup/pelindung. Oleh itu anda boleh merujuk kepada bahagian ukuran untuk membuat langsir penutup/pelindung.**

## **MENJAHIT PATEN LANGSIR BERLIPAT V**


- 1) Ikuti semua langkah menjahit langsir penutup/pelindung hingga selesai(hinggarajah25).**
  
- 2) MENJAHIT/MEMBUAT BAHAGIAN BERLIPAT V.**
  - a) Anda boleh menggunakan pita penyangkuk langsir sebagai panduan untuk anda membuat langsir berlipat V. Untuk membuat langsir berlipat V kebiasaannya jarak lubang pita yang paling sesuai dan cantik ialah dengan mengosongkan satu atau dua lubang sahaja. Tentukan mana satu pilihan anda.**

Setiap langkah rancangan menjahit Langsir Berlipat V **ILHAMNISHA** mengikuti ilham demi ilham. Sebagai contoh, no. 1 haruslah dilakukan dahulu sebelum dan melakukan langkah no. 2.

**Contohnya:** Kami ingin mengosongkan 2 lubang pita. Ikuti langkah di bawah ini.

**2.** Bahagikan sama tengah di antara 2 garisan (warna ungu) dan tandakan dengan peniti. Lakukan di sepanjang pita tersebut mengikut rajah di bawah ini.

**1.** Tandakan dengan peniti 1/2cm dari lubang di bahagian atas kain/pita. Lakukan di sepanjang pita tersebut mengikut rajah di bawah ini. Peniti (garis ungu) di keluarkan sedikit ke atas bagi memudahkan membuat penandaan.




**3.** Dua lubang yang di kosongkan.

**Rajah 1**

- *Lakukan perkarayang samadarihujung hingga keujung satu lagi. Mungkin dibahagianhujung yang terakhir dan membuat penan daan adasedikit perbezaansamadabentuk Vterpaksadikecil kandari ukuran sebelumnya atau lebih kainnyatidak samadenganhujung satu lagi. Tidak mengapa, meneruskan mengikuti perbezaannyatidak akan kelihatan/ketarajika anda ilham kami ini.*

- b) Temukantigapeniti (no. 1, 2, 3), di manapenit itengah (warnabiru) diletakkandi tengah-tengah antara peniti warna ungu. Ia akan te rlipat menjadi dua lipatan. Penitikandandijahit.

Setelah membuat lipatan lakukan seperti di dalamra jah di bawah ini serta rujuk gambardibawah untuk memudahkan andamemahaminya.



## Rajah2



Gambar2

c) Lakukan perkarayangsamasehinggaselesai.

d) Anda boleh menambah butang atau bungatiran kecil dibagian jahitan bucu lipatan tersebut untuk menyerikan lagi langsir bebotolanda.

### 3. MEMASANG PENYANGKUK LANGSIR.

Penyangkuk langsir yang terbaik untuk digunakan ialah penyangkuk berjari empat. Walaubagaimanapun penyangkuk berjari satu juga boleh di gunakan. Jika anda menggunakan trek biasa, penyangkuk bahagian tengah adalah paling sesuai digunakan manakala jika anda menggunakan trek jenis batang/berkayu penyangkuk atas paling cantik digunakan. Lihat gambar 2 (membuat penutup/pelindung langsir) untuk mengetahui jenis penyangkuk serta lihat gambar di bawah ini untuk memudahkan anda memahaminya.

**7.** Penyangkuk berjari empat yang manaduajarinya telah dimasukkan ke dalam lubang pit tersebut.



Gambar 3

#### 4. MENGANTUNGLANGSIRBERLIPATV

Di bawah ini adalah antara contoh langsir berlipat V apabila telah di gantung ke treknya. Anda boleh menggunakan trek kayu ataupun trek biasa untuk menggantung langsir paten berlipat V.



Gambar4



Gambar5



Gambar 6



Gambar7

**SAYA AMAT BERHARAP ANDA SEMUA BERPUAS HATI DENGAN CARA PENYAMPAIAN INI. JIKA ADA SEBARANG KOMEN SILA HUBUNGI PIHAK SYARIKAT ILHAM NISHA MELALUI EMAIL, DAN FAX. KAMI MEMOHON BERBANYAK MAAF DI ATAS SEGALA KEKURANGAN DI DALAM EBOOK KELUARAN PERTAMA KAMI INI DAN TERIMA KASIH KAMI UCAPKAN SEGALA KERJASAMA DAN KOMEN DARI ANDA SEMUA.**

**KAMI BOLEH DI HUBUNGI SEPERTI DI BAWAH INI:**

E-MAILkan kepada kami ke,

1. [mmusmf@streamyx.com](mailto:mmusmf@streamyx.com)

atau

2. Faxkan kepada kami di nombor,  
06-6795592



-10 -